



PUTRAJAYA HOLDINGS

DASAR PRIVASI DAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Putrajaya Holdings Sdn Bhd dan anak-anak syarikatnya ("kami") sedang di dalam proses untuk mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta tersebut"). Akta tersebut telah diluluskan oleh Kerajaan Malaysia bagi tujuan mengawal selia pemrosesan data peribadi di dalam transaksi komersil. Bagi tujuan mematuhi Akta tersebut, kami dikehendaki untuk mengurus data peribadi yang diperolehi daripada anda ketika menjalankan urusan perniagaan kami.

1. DATA PERIBADI

"Data Peribadi" bermaksud maklumat-maklumat anda yang mungkin tertakluk kepada perlindungan data, privasi dan undang-undang yang berkaitan dan mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat anda seperti nama, tarikh lahir, nombor kad pengenalan, nombor passpot, alamat, jantina, bangsa, kewarganegaraan, maklumat untuk dihubungi, alamat e-mel, rujukan, alamat perumahan atau pos, nama majikan anda, alamat, nombor telefon atau faks, alamat anda yang terdahulu dan cara komunikasi yang diutamakan, nama-nama anda yang terdahulu atau nama lain, agama, maklumat akaun, maklumat kad kredit, nama bank dan maklumat penting perbankan, nombor pengenalan fail cukai, nombor KWSP, dan maklumat lain berkenaan dengan anda yang telah dikumpulkan, disimpan, digunakan dan diproseskan dari masa ke semasa.

2. PENGUMPULAN DAN PEMROSESAN DATA PERIBADI

Semasa berurusan dengan kami, kami akan meminta anda untuk memberikan data serta maklumat Data Peribadi anda bagi membolehkan kami untuk memasuki transaksi komersil dengan anda atau untuk menyampaikan notis-notis yang berkenaan, perkhidmatan dan/atau hartanah yang berkaitan dengan perniagaan kami. Ini adalah berkaitan dengan proses perniagaan, pelaksanaan, termasuk penyampaian notis-notis, perkhidmatan dan/atau hartanah, pengurusan perhubungan pelanggan, tujuan perangkaan berkenaan dengan projek pada masa hadapan berserta pelancaran hartanah pada masa hadapan dan acara-acara termasuk acara promosi bagi projek-projek kami.

Data Peribadi akan dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh kami bagi tujuan berikut:

- i. penyampaian notis-notis, perkhidmatan atau hartanah dan pemasaran bagi perkhidmatan tersebut atau hartanah sama ada pada waktu kini atau pada masa akan datang, kepada anda;
- ii. bagi membolehkan anda memasuki perjanjian yang diperlukan untuk membeli hartanah daripada kami;
- iii. penyeliaan dan penyimpanan rekod-rekod pelanggan dan pembangunan;
- iv. tujuan-tujuan spesifik yang diperuntukkan bagi perkhidmatan tertentu atau produk yang ditawarkan oleh kami atau rakan kongsi kami;
- v. aktiviti pemasaran dan aktiviti profil pelanggan berkaitan dengan projek-projek, hartanah dan/atau perkhidmatan kami yang terkini;
- vi. persiapan dan pelaksanaan bagi kesemua dokumen dan perjanjian yang diperlukan bagi projek, hartanah dan/atau perkhidmatan kami dengan anda;
- vii. penilaian kredit, kewangan pada bila-bila masa yang dianggap perlu;
- viii. penyimpanan rekod dalaman kami;
- ix. bagi mematuhi mana-mana peruntukan undang-undang atau peraturan berkenaan dengan perkhidmatan dan hartanah kami dan untuk membuat pendedahan yang diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang yang terpakai, peraturan, perintah, arahan mahkamah, peraturan-peraturan kecil, garis panduan, surat pekeliling dan kod yang berkenaan kepada kami;
- x. membolehkan kami untuk menghantar maklumat melalui e-mel, surat-menyurat, telekomunikasi (panggilan telefon, mesej SMS atau aplikasi perbualan sosial) atau sosial media internet mengenai produk-produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak ketiga yang terpilih yang mana pada pendapat kami anda mungkin berminat tetapi dengan berbuat demikian kami akan mengawal Data Peribadi anda dan tidak akan mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga tanpa mendapat keizinan bertulis daripada anda.
- xi. hak milik kosong, perkhidmatan pelanggan dan/atau kerja-kerjapembaikpulihan;
- xii. sebarang transaksi komersil yang berkaitan dengan mana-mana projek, hartanah dan/atau perkhidmatan; dan
- xiii. Bagi mematuhi sebarang undang-undang, obligasi undang-undang dan pentadbiran keadilan.

3. SUMBER-SUMBER DATA PERIBADI

Data Peribadi yang telah dikumpulkan, diproseskan dan digunakan oleh kami adalah daripada sumber-sumber yang sah dan telus seperti berikut:

- i. perjanjian-perjanjian dan kontrak perjanjian jual-beli bagi hartanah atau perkhidmatan kami;
- ii. borang-borang pendaftaran rasmi (sama ada elektronik atau cetakan) bagi pelancaran hartanah atau pameran hartanah atau acara-acara promosi yang lain;
- iii. mana-mana e-mel atau surat-menyurat yang kami telah terima daripada anda semasa meminta maklumat atau membuat sebarang pertanyaan;
- iv. sebarang borang yang anda telah kemukakan di laman sesawang kami;
- v. sebarang rujukan daripada mana-mana individu termasuk maklumat peribadi yang boleh disahkan;
- vi. surat tawaran daripada syarikat kewangan (tempatan dan luar negara) bagi pinjaman yang telah mendapat pra-kelulusan;
- vii. surat-surat tawaran daripada badan kerajaan;
- viii. kad perniagaan yang diberikan kepada pekerja-pekerja, agen-agen, broker-broker atau sekutu kami; atau

- ix. sebarang dokumen (termasuk tetapi tidak terhad kepada borang berkanun dan penyata) yang telah dikemukakan kepada kami untuk diproses.

4. HAK UNTUK AKSES DAN PEMBETULAN

Tertakluk kepada sebarang pengecualian di bawah mana-mana undang-undang yang berkenaan, anda mempunyai hak untuk meminta akses dan jika perlu, pembetulan kepada Data Peribadi anda di dalam rekod kami. Anda mempunyai hak untuk:

- i. Memeriksa sama ada kami memegang atau menggunakan Data Peribadi anda dan meminta akses kepada data tersebut;
- ii. Memohon untuk sebarang pindaan kepada Data Peribadi anda jika ia tidak tepat, tidak lengkap atau luput;
- iii. Memohon agar Data Peribadi anda disimpan oleh kami dalam jangka masa yang munasabah bagi memenuhi tujuan data tersebut dikumpulkan;
- iv. Menarik balik sepenuhnya atau sebahagian daripada keizinan yang telah diberikan oleh anda tertakluk kepada sebarang halangan, syarat-syarat kontrak dan tempoh masa yang munasabah; dan
- v. Pertanyaan mengenai Data Peribadi anda.

5. PENDEDAHAN DATA PERIBADI

Data Peribadi yang diberikan kepada kami akan disimpan secara sulit dan dengan demikian anda bersetuju bahawa kami boleh mendedahkan dan memindahkan Data Peribadi anda kepada kelas-kelas individu tersebut di bawah (sama ada di Malaysia atau di luar Negara)

- i. mana-mana individu, agensi kerajaan, badan berkanun dan pengawal selia industri yang mana kami dikehendaki untuk berbuat demikian seperti yang diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang;
- ii. mana-mana syarikat berkaitan dan/atau anak-anak syarikat Putrajaya Holdings Sdn Bhd, termasuk yang akan diperbadankan pada masa hadapan.
- iii. rakan perniagaan dan sekutu kami yang menyediakan perkhidmatan yang berkenaan atau produk-produk berkaitan dengan perniagaan kami;
- iv. juruaudit, perunding, peguam, akauntan kami atau lain-lain penasihat kewangan atau badan professional yang dilantik berkaitan dengan perniagaan kami; dan
- v. Pembekal perkhidmatan pihak ketiga, syarikat pengurusan pihak ketiga, sub-kontraktor kami atau pihak-pihak lain yang dianggap perlu oleh kami untuk memudahkan urusan anda dengan kami.

Pihak ketiga juga adalah bertanggungjawab dari sisi undang-undang untuk mendapatkan Data Peribadi anda berdasarkan tahap keselamatan yang sesuai berkaitan dengan undang-undang perlindungan peribadi yang berkenaan dan diterimapakai secara meluas di dalam industri biasa.

6. PERLINDUNGAN PERIBADI

Data Peribadi anda akan disimpan dan diproses dalam keadaan yang terkawal. Pentadbiran dan perlindungan keselamatan yang sesuai, polisi-polisi dan prosedur akan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Kami akan memastikan agar Data Peribadi anda tidak diproses secara menyalahi undang-undang, dihilangkan, dimusnahkan atau dirosakkan.

7. KESAN-KESAN KENGGANAN UNTUK MENYEDIAKAN DATA PERIBADI

Data Peribadi yang diberikan kepada kami adalah diberikan secara sukarela dan anda tiada obligasi serta tidak dipaksa untuk berbuat demikian. Kegagalan anda untuk menyediakan Data Peribadi di mana adalah wajib untuk berbuat demikian akan mempunyai kesan-kesan berikut yang mana kami tidak akan bertanggungjawab terhadap kesan-kesan yang timbul daripadanya:

- i. ketidakupayaan pihak-pihak untuk memeteraikan kontrak dan/atau perjanjian dan/atau Perjanjian Jual Beli/ tender/ surat setuju terima/ yang berkaitan dengan penjualan hartanah, produk-produk dan/atau perkhidmatan kami bagi membantu projek kami;
- ii. ketidakupayaan bagi kami untuk menyediakan kepada anda notis-notis, perkhidmatan dan/atau hartanah seperti yang diminta;
- iii. ketidakupayaan bagi kami untuk mengemaskinikan pelancaran hartanah terkini;
- iv. ketidakupayaan untuk melengkapkan transaksi komersil berkaitan dengan projek, hartanah atau perkhidmatan kami; dan
- v. Ketidakupayaan untuk mematuhi mana-mana undang-undang, peraturan, perintah, arahan mahkamah, undang-undang kecil, panduan dan/atau kod yang berkenaan dengan kami.
- vi.

8. PENGEKALAN TEMPOH DATA PERIBADI ANDA

Kecuali jika dibenarkan atau diperlukan oleh undang-undang atau keperluan peraturan yang berkenaan, kami akan mengekalkan Data Peribadi anda selama ia perlu untuk memenuhi tujuan yang mana Data Peribadi dikumpulkan atau diperlukan untuk memenuhi peraturan undang-undang, keperluan perakaunan atau melindungi kepentingan syarikat.

9. KOMUNIKASI

Sebarang pertanyaan berkenaan dengan pemrosesan Data Peribadi, permintaan untuk akses dan pembetulan berkaitan dengan Data Peribadi perlu dikemukakan kepada kami di alamat atau e-mel berikut:

- Alamat : Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.
Menara PJH
No. 2, Jalan Tun Abdul Razak
Precinct 2
62100 Putrajaya

- E-mel : corpcomm@pjh.com.my

10. PERKARA AM

Mengikut Seksyen 7(3) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, polisi ini akan dikeluarkan di dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan, versi Bahasa Inggeris polisi tersebut akan digunakan. Data Peribadi dan Notis Persendirian ini adalah bertarikh 15 Februari 2014 dan adalah tertakluk kepada sebarang pindaan dari masa ke semasa. Kami akan memaklumkan anda sekiranya terdapat sebarang perubahan yang material kepada notis ini.